

25 JUN 1998

Mahathir-IMF

STRATEGI KADAR FAEDAH IMF MEROSAKKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata strategi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengenai kadar faedah yang diterima pakai oleh Malaysia telah merosakkan ekonomi negara ini.

Beliau berkata bahawa pada awalnya strategi IMF itu difikirkan sebagai amat baik.

"Kita terima pakai strategi itu tetapi kemudian mendapati ianya telah merosakkan ekonomi kita," katanya paa persidangan berita selepas merasmikan Pameran IKS '98 yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) di sini hari ini.

"Tetapi, untuk berpatah balik adalah amat sukar kerana kita terpaksa mencari jalan bagaimana untuk menguruskan ekonomi selepas ia dirosakkan dengan memendekkan tempoh pinjaman tidak berbayar, kekangan kredit dan kenaikan kadar faedah," kata Dr Mahathir.

Perkara-perkara ini telah merosakkan banyak syarikat, katanya.

Apabila ditanya sama ada kadar faedah akan turun ke paras yang boleh diterima ekoran pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Kami sedang berusaha caranya tetapi kadar faedah kita dipengaruhi oleh kadar faedah pinjaman ringgit.

"Terdapat kecenderungan bagi ringgit kita keluar dari negara ini dan ini telah menghalang bank-bank daripada mendapat dana dan ini amat merugikan kita."

Daim mencadangkan kadar faedah lebih rendah untuk memulihkan ekonomi negara.

Pada 27 Mei semasa berucap dalam mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu, beliau berkata dasar kewangan yang terlalu ketat akan menghasilkan kesan yang berlawanan kepada ekonomi yang tidak dijangka.

-- BERNAMA

DVS MFJ JR